

**KESEDIAAN IBU BAPA YANG MENJAGA ANAK
KURANG UPAYA PEMBELAJARAN DI PULAU
PINANG, MALAYSIA**

SITI NORLELA BTE MOHD NOR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**KESEDIAAN IBU BAPA YANG MENJAGA ANAK
KURANG UPAYA PEMBELAJARAN DI PULAU
PINANG, MALAYSIA**

oleh

SITI NORLELA BTE MOHD NOR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2025

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, atas izin dan kurnia-Nya yang tiada terhingga, memungkinkan saya untuk menyelesaikan penulisan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada penyelia saya, YBhg. Datuk Prof. Dr. Azlinda Azman yang telah memberikan kepercayaan, sokongan, dan bimbingan yang tidak ternilai selama proses penulisan tesis ini. Kesabaran dan pemahaman yang ditunjukkan telah menjadi asas yang kuat dalam menuntun saya mencapai tahap ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia ke dua saya, Prof. Madya Dr. Paramjit Singh Jamir Singh yang turut memberikan tunjuk ajar dan pandangan yang berharga dalam menyiapkan tesis ini. Nasihat dan arahan yang diberikan telah banyak membantu dalam membentuk tesis ini. Kepada abah tercinta, Mohd Nor bin Kamal yang telah menjadi sumber inspirasi saya untuk melanjutkan Doktor Falsafah ini, terima kasih tidak terhingga. Walaupun beliau telah meninggal dunia pada 14 Jun 2022, semangat dan kenangan tentangnya akan terus hidup dalam diri saya. Kepada ibu yang dikasihi, terima kasih atas sokongan tak berbelah bagi dalam menyiapkan tesis ini. Untuk suami yang tercinta, Mohd Aizuddin Azuan terima kasih atas galakan dan semangat agar saya tidak pernah putus asa. Kepada, Fatima Adriana anak mak, yang juga memberikan inspirasi terciptanya tesis ini, terima kasih kerana telah membuka mata dan hati saya pada aspek kehidupan yang lebih dalam. Ucapan terima kasih ini merupakan tanda penghargaan yang mendalam kepada semua yang telah membantu, baik secara langsung mahu pun tidak langsung, dalam menyiapkan tesis ini. Semoga usaha ini dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada masyarakat dan ilmu pengetahuan.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xxi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Signifikan Kajian	12
1.6 Rumusan Bab	15
BAB 2 SOROTAN KARYA	16
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Orang Kurang Upaya	16
2.3 Kurang Upaya Pembelajaran	17
2.4 Ibu Bapa Kurang Upaya Pembelajaran	20
2.5 Kefahaman Ibu Bapa Kurang Upaya Pembelajaran	22
2.6 Kesediaan Ibu Bapa Kurang Upaya Pembelajaran	27
2.7 Pengalaman Ibu Bapa Kurang Upaya Pembelajaran	31
2.8 Perspektif Kerja Sosial Terhadap Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	35
2.9 Teoritikal Kajian	37

2.9.1	Teori Peranan.....	37
2.9.2	Teori Pembangunan Ibu Bapa (<i>Parent Development Theory</i>)	38
2.9.3	Teori Pembelajaran Eksperiential (<i>Experiential Learning Theory</i>)..	39
2.10	Definisi Konseptual.....	42
2.10.1	Ibu Bapa.....	42
2.10.2	Anak Kurang Upaya Pembelajaran	42
2.10.3	Kefahaman.....	44
2.10.4	Kesediaan.....	45
2.10.5	Pengalaman.....	47
2.11	Keterangan Kerangka Konsetual Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	48
2.12	Definisi Operasional.....	53
2.13	Rumusan Bab	55
BAB 3	METODOLOGI	56
3.1	Pendahuluan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Populasi dan Sampel Kajian.....	59
3.4	Ciri-Ciri Pemilihan Sampel Kajian	61
3.4.1	Ciri-Ciri Pengambilan Sampel Kajian.....	61
3.4.2	Ciri Pengecualian Pemilihan Sampel	62
3.5	Kajian Rintis.....	63
3.6	Instrumen Kajian	64
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	66
3.8	Analisis Data	68
3.9	Etika Penyelidikan.....	70
3.10	Rumusan Bab	71
BAB 4	HASIL KAJIAN	72
4.1	Pengenalan	72

4.2	Ciri-Ciri Sosial-Demografi Responden.....	73
4.2.1	Maklumat Demografi Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran..	73
4.2.2	Status Sosioekonomi Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran..	75
4.2.3	Demografi Ketidakupayaan Anak	77
4.3	Objektif 1: Meneroka Kefahaman Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	79
4.3.1	Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Perkembangan Anak Melalui Fizikal Dan Kognitif.....	79
4.3.2	Kefahaman Responden terhadap Keperluan Anak Kurang Upaya Pembelajaran	82
	4.3.2(a) Kefahaman Emosi Anak Kurang Upaya Pembelajaran	82
	4.3.2(b) Kefahaman Kepada Keperluan Psikologikal	83
	4.3.2(c) Kefahaman kepada Keperluan Fizikal Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	84
4.3.3	Kefahaman Terhadap Faktor Luaran Yang Memberi Kesan Kepada Penjagaan Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	85
4.3.4	Kefahaman Terhadap Kepentingan Pendidikan Anak Kurang Upaya Pembelajaran	88
4.3.5	Kefahaman Ibu Bapa Tentang Keperluan Khas Dalam Perubatan Dan Rawatan Anak Kurang Upaya Pembelajaran	89
4.3.6	Kefahaman Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran Dalam Konteks Budaya Dan Masyarakat Melalui Norma Dan Harapan Budaya Serta Masyarakat Yang Mempengaruhi Gaya Dan Keputusan Keibubapaan	91
4.3.7	Kefahaman Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa Yang Melibatkan Kesedaran Kendiri (<i>Self-Awareness</i>) Refleksi Terhadap Keupayaan, Batasan Dan Tugas Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran.	93
4.3.8	Kefahaman Empati Ibu Bapa Dengan Mengaitkan Dengan Perasaan, Pemikiran Dan Pengalaman Anak Mereka Yang Memberi Pengaruh Kepada Ikatan Emosi Yang Lebih Rapat	95
4.4	Objektif 2: Kesediaan Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	97

4.4.1	Reaksi Awal Ibu Bapa Terhadap Tindak Balas Emosi Dan Kognitif Ibu Bapa Apabila Mengetahui tentang Ketidakupayaan Anak mereka.....	98
4.4.2	Penerokaan Latihan Dan Bimbingan Ibu Bapa Dalam Membantu Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	99
4.4.3	Menganalisis Sumber Dan Akses Sedia Memenuhi Keperluan Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	100
4.4.4	Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Dan Perasaan Ibu Bapa Yang Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	102
4.5	Objektif 3: Pengalaman Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	104
4.5.1	Cabaran Dan Rintangan Yang Dihadapi oleh Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	105
4.5.2	Memahami Kesan Emosi Yang Dilalui oleh Ibu Bapa (termasuklah tekanan, kegembiraan, kekecewaan dan kepuasan).....	107
4.5.3	Tanggapan Luaran dalam Memberi Pengaruh Dan Impak Terhadap Pengalaman kepada Wawasan Ibu Bapa	108
4.5.4	Mekanisme Sokongan Ibu Bapa Yang Dilihat Memberi Manfaat Kepada Mereka.....	111
4.5.5	Harapan Ibu Bapa Kepada Anak Kurang Upaya Pembelajaran Sepanjang Membesarkan Mereka.....	112
4.5.6	Peristiwa Positif Yang Dialami Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	113
4.5.7	Strategi Adaptasi Dan Mekanisme Daya Tindak Ibu Bapa Dalam Menangani Cabaran Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	114
4.6	Objektif 4: Pendapat Intervensi Melalui Perbincangan Kumpulan Fokus Bersama Kumpulan Pelaksana	116
4.6.1	Ciri-Ciri Demografi (Kumpulan Pelaksana/Agensi)	117
4.6.2	Kefahaman Makna Dan Definisi Terhadap Kurang Upaya Pembelajaran	119
4.6.3	Peranan Penyedia Perkhidmatan	120
	4.6.3(a) Bidang Dan Jenis Perkhidmatan Yang Di Tawarkan	120
	4.6.3(b) Jurang Pengetahuan Tentang Kurang Upaya Pembelajaran Serta Keperluan Latihan	121

4.6.4	Tahap Kesedaran Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran Menurut Perspektif Kumpulan Pelaksana	122
4.6.4(a)	Pemerhatian Tentang Bagaimana Ibu Bapa Memahami Ketidakupayaan Anak Mereka.....	122
4.6.4(b)	Salah Faham Yang Biasa Di Hadapi Di Kalangan Ibu Bapa.....	123
4.6.5	Penglibatan bersama Kumpulan Pelaksana Dan Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	123
4.6.5(a)	Strategi Yang Digunakan Dalam Penglibatan Diri Serta Kaedah Komunikasi Bersama Ibu Bapa	124
4.6.5(b)	Cabaran Yang Dihadapi Semasa Bekerja Dengan Ibu Bapa Kurang Upaya Pembelajaran	125
4.6.5(c)	Cabaran Yang DiHadapi Oleh Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	125
4.6.5(d)	Cabaran Emosi Dan Psikologikal Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	126
4.6.5(e)	Cabaran Sosial, Termasuk Pengasingan Dan Stigma Yang Dialami Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	126
4.6.5(f)	Cabaran Ekonomi Dan Kemampuan Mendapatkan Sumber Dan Perkhidmatan.....	127
4.6.5(g)	Menavigasi Sistem Pendidikan, Perubatan Dan Sosial.....	127
4.6.5(h)	Kisah Kejayaan Dan Amalan Terbaik Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	128
4.6.6	Strategi Intervensi Yang Digunakan Oleh Kumpulan Pelaksana Kepada Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	129
4.6.6(a)	Jenis Intervensi Yang Disyorkan Oleh Kumpulan Pelaksana.....	129
4.6.6(b)	Penerimaan Ibu Bapa Terhadap Intervensi Yang Dicapadangkan	129
4.6.6(c)	Halangan Untuk Melaksanakan Intervensi	130
4.6.7	Kerjasama Pendidikan Antara Agensi Yang Menawarkan Perkhidmatan Kepada Golongan Kurang Upaya Pembelajaran.....	130
4.6.7(a)	Kerjasama Antara Sekolah / Pendidik Dan Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	130

4.6.7(b)	Cabaran Dalam Memastikan Keperluan Pendidikan Dipenuhi.....	131
4.6.8	Maklum Balas Dari Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran..	132
4.6.8(a)	Maklum Balas Yang Diterima Daripada Ibu Bapa Terhadap Perkhidmatan Agensi	132
4.6.8(b)	Pelarasan Perkhidmatan Berdasarkan Maklum Balas Ibu Bapa.....	133
4.6.9	Sumber Dan Peralatan Sokongan Kepada Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	133
4.6.9(a)	Sumber Dan Material Yang Tersedia Membantu Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	133
4.6.9(b)	Kefahaman Terhadap Keberkesanan Sumber Untuk Meningkatkan Keupayaan Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	134
4.6.10	Aspek Kewangan.....	134
4.6.10(a)	Aspek Kekangan Sumber Kewangan Melalui Perspektif Agensi.....	135
4.6.10(b)	Halangan Sumber Kewangan Yang Di Hadapi Ibu Bapa Ketika Mendapatkan Perkhidmatan.....	135
4.6.10(c)	Cadangan Untuk Menjadikan Perkhidmatan Lebih Berpatutan	136
4.6.11	Pembinaan Komuniti Dan Perhubungan Sosial.....	136
4.6.11(a)	Interaksi Diantara Penyedia Perkhidmatan Yang Lain....	136
4.6.11(b)	Membina Rangkaian Sokongan Sosial Untuk Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	137
4.6.12	Stigma Dan Persepsi Sosial Terhadap Ketidakupayaan Pembelajaran.....	137
4.6.12(a)	Stigma Tentang Ketidakupayaan Pembelajaran	137
4.6.12(b)	Strategi Untuk Memerangi Persepsi Negatif Terhadap Ketidakupayaan Pembelajaran.....	138
4.6.12(c)	Usaha Dalam Mendidik Masyarakat Secara Meluas	138
4.6.13	Polisi Dan Dasar	139
4.6.13(a)	Pandangan Mengenai Dasar Semasa Yang Berkaitan Ketidakupayaan Pembelajaran.....	139

4.6.13(b)	Usaha Dan Kerjasama Perundangan Terhadap Pengupayaan Orang Kurang Upaya Pembelajaran	140
4.6.13(c)	Perubahan Dasar Yang Memberi Manfaat Kepada Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	141
4.6.14	Cadangan Untuk Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	142
4.6.14(a)	Panduan Ibu Bapa Untuk Menavigasi Sistem Sedia Ada.....	142
4.6.14(b)	Cadangan Strategi Menghubungkan Sumber Perkhidmatan Kepada Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	143
4.6.14(c)	Galakkan Dan Motivasi Kepada Ibu Bapa Yang Menghadapi Cabaran Membesarkan Anak Kurang Upaya Pembelajaran	143
4.7	Ringkasan Hasil Kajian	144
4.8	Rumusan Bab	145
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	146
5.1	Pendahuluan	146
5.2	Ringkasan Hasil Kajian	146
5.3	Perbincangan Profil Demografi Responden (Ibu Bapa).....	147
5.4	Perbincangan Objektif 1: Kefahaman Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	154
5.4.1	Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Keperluan Emosi, Psikologikal Dan Fizikal Anak Kurang Upaya Pembelajaran	156
5.4.2	Kefahaman Terhadap Faktor Luaran Yang Memberi Kesan Kepada Penjagaan Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	161
5.4.3	Kefahaman Terhadap Kepentingan Pendidikan Anak Kurang Upaya Pembelajaran	164
5.4.4	Kefahaman Ibu Bapa Tentang Keperluan Khas Dalam Perubatan Dan Rawatan Anak Kurang Upaya Pembelajaran	167
5.4.5	Kefahaman Ibu Bapa Anak Upaya Pembelajaran Dalam Konteks Budaya Dan Masyarakat Melalui Norma Dan Harapan Budaya Serta Masyarakat Yang Mempengaruhi Gaya Dan Keputusan Keibubapaan.....	169
5.4.6	Kefahaman Peranan Dan Tanggungjawab Ibu Bapa Yang Melibatkan Kesedaran Kendiri (<i>Self-Awareness</i>) Refleksi Terhadap Keupayaan,	

	Batasan Dan Tugas Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	172
5.4.7	Memahami Empati Ibu Bapa Dengan Mengaitkan Perasaan, Pemikiran Dan Pengalaman Anak Mereka Yang Mempengaruhi Ikatan Emosi Yang Lebih Erat	174
5.5	Perbincangan Objektif 2: Kesianaan Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	176
5.5.1	Reaksi Awal Ibu Bapa Terhadap Tindak Balas Emosi Dan Kognitif Ibu Bapa Apabila Mengetahui Tentang Ketidakupayaan Anak Mereka.....	177
5.5.2	Penerokaan Latihan Dan Bimbingan Ibu Bapa Dalam Membantu Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	179
5.5.3	Menganalisis Sumber Dan Akses Sedia Ada Dalam Memenuhi Keperluan Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran..	182
5.5.4	Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan dan Perasaan Ibu Bapa yang Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	185
5.6	Perbincangan Objektif 3: Pengalaman Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	187
5.6.1	Cabaran Dan Rintangan Yang Dihadapi Oleh Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	188
5.6.2	Memahami Kesan Emosi yang Dilalui oleh Ibu Bapa (termasuklah tekanan, kegembiraan, kekecewaan dan kepuasan).....	190
5.6.3	Tanggapan Luaran Dalam Memberi Pengaruh Dan Impak Terhadap Pengalaman Kepada Wawasan Ibu Bapa	192
5.6.4	Mekanisme Sokongan Ibu Bapa Yang Diperolehi Dilihat Memberi Manfaat Kepada Mereka	194
5.6.5	Harapan Ibu Bapa Kepada Anak Kurang Upaya Pembelajaran Sepanjang Membesarkan Mereka.....	197
5.6.6	Peristiwa Positif Yang Dialami Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	200
5.6.7	Strategi Adaptasi Dan Mekanisme Daya Tindak Ibu Bapa Dalam Menangani Cabaran Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran..	203
5.7	Perbincangan Objektif 4: Intervensi Yang Dicapangkan Oleh Kumpulan Perlaksana Di Dalam Perbincangan Fokus Kumpulan	205
5.7.1	Cabaran Peranan, Definisi Dan Keperluan Latihan Dalam Perkhidmatan Terhadap Orang Kurang Upaya Pembelajaran.....	208

5.7.1(a)	Memperkukuhkan Peranan Penyedia Perkhidmatan	208
5.7.1(b)	Kefahaman Makna Dan Definisi Kurang Upaya Pembelajaran.....	212
5.7.1(c)	Jurang Pengetahuan Tentang Kurang Upaya Pembelajaran Dan Keperluan Latihan	215
5.7.2	Memperkasakan Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran Melalui Perspektif Kumpulan Pelaksana : Strategi Komunikasi, Cabaran Dan Kejayaan	219
5.7.2(a)	Tahap Kesedaran Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran Menurut Perspektif Kumpulan Pelaksana..	219
5.7.2(b)	Cabaran Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran Menurut Perspektif Agensi	221
5.7.2(c)	Cabaran Yang Dihadapi Semasa Bekerja Dengan Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	225
5.7.2(d)	Kaedah Ibu Bapa Menavigasi Perkhidmatan Menurut Perspektif Agensi	228
5.7.2(e)	Strategi Komunikasi Yang Digunakan Oleh Kumpulan Pelaksana Membantu Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	231
5.7.2(f)	Kaedah Yang Digunakan Oleh Kumpulan Pelaksana Dalam Mengoptimumkan Potensi Anak Kurang Upaya Pembelajaran Dan Ibu Bapa Melalui Integrasi Sumber, Peralatan, Dan Strategi Kewangan.....	234
5.7.2(g)	Kisah Kejayaan Dan Amalan Terbaik Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	236
5.7.3	Kerjasama Antara Agensi Dan Sokongan Komprehensif: Memperkasa Ibu Bapa Dalam Menavigasi Sistem Dan Menyokong Anak Kurang Upaya Pembelajaran	239
5.7.3(a)	Kerjasama Pendidikan Antara Agensi Yang Menawarkan Perkhidmatan Kepada Golongan Kurang Upaya Pembelajaran.....	239
5.7.3(b)	Sumber Dan Peralatan Sokongan Kepada Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	241
5.7.3(c)	Aspek Kewangan Dalam Menyediakan Sokongan Kepada Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	243

5.7.3(d)	Panduan Komprehensif Untuk Ibu Bapa Menavigasi Sistem Dan Mengoptimalkan Sokongan Oleh Kumpulan Pelaksana Kepada Anak Kurang Upaya Pembelajaran	245
5.7.4	Stigma Dan Persepsi Sosial Terhadap Ketidakupayaan Pembelajaran.....	247
5.7.5	Dasar Mengenai Ketidakupayaan Pembelajaran	249
5.8	Implikasi Kajian	251
5.8.1	Implikasi Teori Terhadap Praktis Kerja Sosial.....	256
5.8.1(a)	Implikasi Teori Peranan Dalam Kerja Sosial.....	257
5.8.1(b)	Implikasi Teori Pembangunan Ibu Bapa Terhadap Praktis Kerja Sosial.....	259
5.8.1(c)	Implikasi Teori Pembelajaran Eksperiential Terhadap Praktis Kerja Sosial.....	261
5.8.2	Implikasi Kajian Terhadap Kumpulan Sasaran Dan Perkhidmatan Sokongan	264
5.8.2(a)	Kumpulan Sasaran	265
5.8.2(b)	Perkhidmatan Sokongan	271
5.8.2(c)	Perundangan.....	273
5.8.2(d)	Pendidikan.....	279
5.9	Cadangan Kajian Terhadap Kefahaman dan Kesian Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	283
5.10	Cadangan Terhadap Kumpulan Professional Dalam Meningkatkan Keberkesanan Perkhidmatan Kepada Individu Kurang Upaya Pembelajaran Dan Ibu Bapa.....	293
5.11	Gambaran Keseluruhan Hasil Kajian Terhadap Kesian Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	297
5.11.1	Kerangka Teoritik Untuk Intervensi Yang Dicapangkan	298
5.11.2	Model Intervensi Kerja Sosial Yang Dicapangkan:	298
5.11.3	Strategi Perlaksanaan.....	301
5.11.4	Mengukur Impak Dan Menilai Keberkesanan Program.....	302
5.11.5	Jangkaan Cabaran Dan Strategi Mengurangkan Kemudaratan (Mitigasi)	304

5.11.6	Kesimpulan Dan Cadangan Yang Boleh Dipertimbangkan	304
5.12	Limitasi Kajian	306
5.13	Kesimpulan.....	308
SENARAI RUJUKAN		310
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Empat Tahap Kitaran Teori Pembelajaran Kolb.....	40
Jadual 4.1 Demografi Personal Ibu Bapa (Anak Kurang Upaya Pembelajaran)	74
Jadual 4.2 Status Sosiodemografi Ibu Bapa (Anak Kurang Upaya Pembelajaran).....	76
Jadual 4.3 Demografi Ketidakupayaan Anak.....	78
Jadual 4.4 Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Kurang Upaya Pembelajaran Melalui Fizikal dan Kognitif.....	80
Jadual 4.5 Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Kurang Upaya Pembelajaran	81
Jadual 4.6 Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Kurang Upaya Pembelajaran (Awal)	82
Jadual 4.7 Kefahaman Terhadap Emosi Anak Kurang Upaya Pembelajaran	83
Jadual 4.8 Kefahaman Kepada Keperluan Psikologikal Anak Kurang Upaya Pembelajaran	84
Jadual 4.9 Kefahaman Terhadap Keperluan Fizikal Anak Kurang Upaya Pembelajaran	85
Jadual 4.10 Faktor Luaran Yang Memberi Kesan Kepada Penjagaan Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	87
Jadual 4.11 Kefahaman Terhadap Kepentingan Pendidikan Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	89
Jadual 4.12 Kefahaman Ibu Bapa tentang Keperluan Khas Dalam Perubatan Dan Rawatan Anak Kurang Upaya Pembelajaran	91
Jadual 4.13 Kefahaman Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran Dalam Konteks Budaya Dan Masyarakat Terhadap Norma Dan Harapan Budaya Serta Masyarakat Yang Mempengaruhi Gaya Dan Keputusan Keibubapaan.....	93

Jadual 4.14	Kefahaman Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa yang Melibatkan Kesedaran Kendiri (<i>Self-Awareness</i>), Refleksi terhadap Keupayaan, Batasan dan Tugas Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	95
Jadual 4.15	Kefahaman Empati Ibu Bapa Untuk Melihat Serta Mengaitkan Dengan Perasaan, Pemikiran dan Pengalaman Anak Mereka Yang Memberi Pengaruh Kepada Ikatan Emosi Yang Lebih Rapat	97
Jadual 4.16	Reaksi Awal Ibu Bapa terhadap Tindak Balas Emosi dan Kognitif Ibu Bapa apabila Mengetahui tentang Ketidakupayaan Anak Mereka.....	98
Jadual 4.17	Penerokaan Latihan Dan Bimbingan Ibu Bapa Dalam Membantu Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	100
Jadual 4.18	Menganalisis Sumber Dan Akses Sedia Ada Yang Memenuhi Keperluan Ibu Bapa Yang Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	102
Jadual 4.19	Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Dan Perasaan Ibu Bapa Yang Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran	104
Jadual 4.20	Cabaran Dan Rintangan Yang Dihadapi Oleh Ibu Bapa Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	106
Jadual 4.21	Memahami Kesan Emosi Yang dilalui Oleh Ibu Bapa	108
Jadual 4.22	Tanggapan Luaran Dalam Memberi Pengaruh Dan Impak Terhadap Pengalaman Kepada Wawasan Ibu Bapa.....	109
Jadual 4.23	Mekanisme Sokongan Ibu Bapa Yang Diperolehi Dilihat Memberi Manfaat Kepada Mereka	112
Jadual 4.24	Harapan Ibu Bapa Kepada Anak Kurang Upaya Pembelajaran Sepanjang Membesarkan Anak Mereka.....	113
Jadual 4.25	Peristiwa Positif Yang Dialami Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	114

Jadual 4.26	Strategi Mudah Suai Dan Mekanisme Daya Tindak Ibu Bapa Dalam Menangani Cabaran Menjaga Anak Kurang Upaya Pembelajaran.....	116
Jadual 4.27	Ciri-Ciri Demografi Kumpulan Pelaksana (Agensi).....	118
Jadual 5.1	Strategi Perlaksanaan	302
Jadual 5.2	Mengukur Impak Dan Keberkesanan Model	303
Jadual 5.3	Cabaran dan Strategi Mitigasi.....	304

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	
Kerangka Konseptual Ibu Bapa Anak Kurang Upaya Pembelajaran	
.....	48

SENARAI SINGKATAN

ASD	Autism Spectrum Disorder
ADHD	Attention Deficit Hyperactive Disorder
COS	Circle of Security
CRPD	Convention on The Right of Persons with Disability
EIP	Early Intervention Program
GDD	Global Development Delay
ICF	Classification of Functions Disability & Health
JEPeM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
NGO	Non-Government Organization
OKU	Orang Kurang Upaya
PDK	Program Pemulihan dalam Komuniti
PDPR	Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PKMD	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
SSPN	Skim Simpanan Pendidikan Nasional
UNEG-DI	United Nations Electronic Government Development Index Survey
UNICEF	United Nations International Children Emergency Fund

KESEDIAAN IBU BAPA YANG MENJAGA ANAK KURANG UPAYA PEMBELAJARAN DI PULAU PINANG, MALAYSIA

ABSTRAK

Menjaga anak kurang upaya pembelajaran memerlukan ibu bapa mempunyai pengetahuan, persediaan dan sokongan yang mencukupi. Kajian ini bertujuan untuk menilai pemahaman, kesediaan, dan pengalaman ibu bapa di Pulau Pinang yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran dan membangunkan intervensi berdasarkan penemuan tersebut. Temu bual mendalam telah dijalankan bersama 28 ibu bapa dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di seluruh Pulau Pinang dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu pendekatan kajian kes. Perbincangan kumpulan fokus (FGD) turut diadakan bersama 15 orang profesional dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang untuk mengumpul maklumat daripada penyedia perkhidmatan. Penemuan ini mendedahkan bahawa ibu bapa secara amnya tidak mempunyai pemahaman yang komprehensif tentang ketidakupayaan pembelajaran, terutamanya disebabkan oleh faktor budaya dan salah faham. Tambahan pula, perkhidmatan sokongan yang tidak diselaraskan dengan baik menghalang kesediaan ibu bapa, menjadikan akses sumber dan maklumat yang diperlukan mencabar. Jurang dalam pemahaman dan penyelarasan perkhidmatan ini menyerlahkan keperluan untuk intervensi berstruktur untuk memperkasakan ibu bapa dengan pengetahuan yang tepat dan mekanisme sokongan praktikal. Berdasarkan keputusan ini, kajian ini mencadangkan pembangunan intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan ibu bapa, meningkatkan penyelarasan perkhidmatan, dan memupuk persekitaran yang menyokong keluarga anak kurang upaya pembelajaran.

Intervensi ini bertujuan untuk merapatkan jurang semasa dan menggalakkan amalan penjagaan yang lebih berkesan dalam kalangan ibu bapa di Pulau Pinang.

PARENTS' READINESS CARING FOR CHILDREN WITH LEARNING DISABILITIES IN PENANG, MALAYSIA

ABSTRACT

Caring for children with learning disabilities requires parents to possess adequate understanding, readiness, and support. This study aims to assess the understanding, readiness, and experiences of parents in Penang who care for children with learning disabilities and to develop an intervention based on the findings. In-depth interviews were conducted with 28 parents from different Pusat Pemulihan Dalam Komuniti throughout Penang using a qualitative case study methodology. A focus group discussion (FGD) was also held with 15 professionals from Pusat Pemulihan Dalam Komuniti and Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang to gather information from service providers. The findings reveal that parents generally lack a comprehensive understanding of learning disabilities, primarily due to cultural factors and misconceptions. Furthermore, fragmented and insufficiently coordinated support services hinder parents' readiness, challenging accessing necessary resources and information. These gaps in understanding and service coordination highlight the need for a structured intervention to empower parents with accurate knowledge and practical support mechanisms. Based on these results, this study proposes the development of an intervention aimed at enhancing parental knowledge, improving service coordination, and fostering a supportive environment for families of children with learning disabilities. This intervention seeks to bridge the current gaps and promote more effective caregiving practices among parents in Penang.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Di Malaysia, kajian terhadap kesediaan ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya pembelajaran kurang diberikan perhatian. Ini kerana, cara pengurusan penjagaan anak kurang upaya juga dapat mempengaruhi sekiranya ia dibesarkan dengan baik oleh ibu bapa mereka (Sobri et al., 2022). Sebelum ini, fokus kajian lebih tertumpu kepada golongan yang mengalaminya secara biologi. Antaranya kajian lepas adalah pendekatan saringan kurang upaya sedia ada yang berdasarkan penjelasan perubatan dan keadaan kesihatan manusia (Wingham et al., 2022). Namun, keperluan kajian ini bukan sahaja terhad kepada individu yang mengalaminya, malah individu yang berada dalam sistem orang kurang upaya perlu diberi perhatian sewajarnya terutamanya ibu bapa. Kajian oleh Ibrahim et al. (2019) di Kelantan juga menunjukkan terdapat kekurangan laporan terhadap keperluan ibu bapa, kefungsiannya, serta keadaan sebenar yang sedang dialami oleh mereka semasa menjaga anak kurang upaya tersebut. Hal ini menunjukkan ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya antara kumpulan sasaran dasar yang relevan untuk dikaji bagi menentukan kesejahteraan sesebuah negara (Ubeh et al., 2017).

Ibu bapa merupakan asas penyedia sumber kewangan, sokongan psikologikal dan praktikal kepada individu kurang upaya semasa pembesaran mereka (Sitlington et al., 2000). Tanggungjawab ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran turut memerlukan peruntukan masa penjagaan yang lebih panjang. Selain itu, mereka juga perlu menyediakan kediaman khas, perbelanjaan isi rumah khusus serta penjagaan lain antaranya keperluan kesihatan yang bersesuaian dengan keadaan anak

tersebut. Kajian oleh Nevill et al. (2025) menyatakan ibu bapa sering berharap agar mereka tahu lebih awal bagaimana untuk menguruskan hal berkaitan kesihatan, akses perkhidmatan, dan hal ini menunjukkan bahawa jurang kepada pengetahuan akan menyebabkan peningkatan kepada stres dan rasa terasing.

Anak kurang upaya yang tinggal bersama keluarga meninggalkan kesan mendalam kepada keluarga termasuk ibu bapa, adik-beradik dan ahli keluarga yang lain (Reichman et al., 2008). Kalek (2008) turut menyatakan bahawa ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya pembelajaran merasakan perjalanan hidup mereka sentiasa dipenuhi dengan rasa emosi dan berhadapan dengan pilihan yang sukar. Hal ini disokong oleh Reichman et al. (2008) di mana peningkatan terhadap tekanan, kesihatan mental dan fizikal ibu bapa berlaku apabila kesukaran untuk mencari tempat penjagaan yang bersesuaian, malah mempengaruhi keputusan dalam pekerjaan, pendidikan serta latihan, bahkan mengehadkan penambahan bilangan anak, juga kebergantungan kepada sokongan awam yang seterusnya menyebabkan ibu bapa lebih cenderung untuk menyalahkan diri sendiri dan tidak mempunyai keyakinan diri.

Perlaksanaan kajian ini dibentuk menggunakan kaedah kualitatif di mana pendekatan kajian kes digunakan untuk memahami ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran ini. Kaedah temu bual secara mendalam dijalankan mengikut tema utama. Manakala, kategori ditetapkan semasa fenomena yang berlaku secara konteks dengan mengambil kira sampel kajian mengikut kriteria yang telah ditetapkan iaitu ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran. Kajian ini dapat memperluaskan pengetahuan terhadap pengalaman, kefahaman dan kesediaan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran dalam memahami keadaan sebelum dan semasa proses penjagaan anak tersebut di peringkat mikro, mezzo dan makro. Penjelasan terhadap kesediaan dan kefahaman ibu bapa semasa menjaga anak kurang upaya pembelajaran akan

memperlihatkan keperluan dan keadaan sebenar mereka dalam membantu mempertingkatkan kualiti hidup serta memperluaskan penglibatan ibu bapa dalam masyarakat secara umum.

Kajian ini merupakan kajian awal yang melihat kepada perspektif kepelbagaian kefahaman, kesediaan dan pengalaman ibu bapa mengikut jenis ketidakupayaan pembelajaran yang di alami oleh anak mereka. Kajian lepas juga menunjukkan jenis ketidakupayaan pembelajaran yang berbeza juga akan menunjukkan kepada pelbagai pengalaman, cabaran dan perspektif yang mungkin dihadapi oleh ibu bapa (Tarleton & Porter, 2012 ; Anpalagan et al., 2021). Antara faktor tersebut adalah jenis ketidakupayaan yang setiap keadaan mempunyai cabaran tersendiri, dan keterukan dan kerumitan setiap perbezaan ketidakupayaan (kecacatan) memberi kesan kepada kehidupan keluarga (Lo & Joyce, 2022).

Selain itu, impak kepada dinamik keluarga sebagai contoh perhubungan diantara pasangan suami isteri, adik beradik dan ahli keluarga lain mungkin berbeza dan akan memberikan pengalaman terhadap pelbagai respon emosi antaranya tekanan, empati, dan kekecewaan. Bahkan sistem sokongan termasuk sumber pendidikan, terapi dan komuniti juga memainkan peranan kepada perbezaan pengalaman kepada ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran sama ada perkhidmatan sedia ada wujud atau sebaliknya. Seterusnya, faktor sosioekonomi juga dilihat mempengaruhi dedikasi ibu bapa dalam merawat anak kurang upaya pembelajaran mereka (Hunt et al., 2021). Budaya dan sosial dari persekitaran ibu bapa kurang upaya pembelajaran juga memberi kesan bagaimana ibu bapa menguruskan keadaan ketidakupayaan yang dialami oleh anak mereka termasuklah kesedaran, stigma dan penerimaan di dalam masyarakat. Strategi daya tindak ibu bapa berkemungkinan berbeza mengikut ketidakupayaan pembelajaran yang dialami oleh anak mereka, sama ada terdapat ibu

bapa yang mempunyai kekuatan serta sentiasa berkembang semasa berhadapan dengan cabaran atau sebaliknya.

Oleh itu, keseimbangan dalam masyarakat dapat dicapai apabila setiap faktor dan keperluan individu yang memerlukan bantuan dan sokongan diberikan perhatian yang sewajarnya. Kajian ini diharapkan dapat membantu memberikan pemahaman mengenai kefungsi individu yang penting untuk mengetahui pengalaman yang ditempuhi oleh ibu bapa dalam membesarkan anak kurang upaya khususnya kurang upaya pembelajaran.

1.2 Penyataan Masalah

Statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sehingga Januari 2023 menunjukkan terdapat seramai 235,731 orang berdaftar di bawah kategori kurang upaya pembelajaran di Malaysia. Kurang upaya pembelajaran mencatatkan kedudukan paling teratas antara tujuh kategori kurang upaya lain. Bilangan kurang upaya pembelajaran di kalangan anak berusia kurang daripada 6 tahun sehingga 18 tahun adalah seramai 117,900 orang di Malaysia (JKM, 2023). Manakala di Pulau Pinang jumlah keseluruhan individu yang mengalami kurang upaya pembelajaran adalah seramai 11,612 orang (JKM, 2023). Hal ini menunjukkan bahawa keperluan menjalankan kajian terhadap kurang upaya pembelajaran wajar agar golongan ini tidak disisihkan dalam masyarakat kerana sebelum ini bilangan kurang upaya fizikal mengatasi bilangan kurang upaya pembelajaran. Tambahan pula, kajian oleh United Nation Children Fund (UNICEF, 2016) di Malaysia mendapati 1 daripada 8 individu berpendapat bahawa anak kurang upaya membawa rasa malu kepada keluarga malah 1 daripada 4 individu juga berpendapat bahawa anak kurang upaya membebankan keluarga mereka. Ibu bapa juga merasakan bahawa komuniti mempunyai sikap

prejudis dan stereotaip terhadap anak kurang upaya (Taderere & Hall, 2017). Melalui pendedahan maklumat dan pengetahuan terhadap orang kurang upaya terhadap masyarakat, ia dapat mengurangkan stereotaip yang dihadapi oleh mereka (Din @ Mohamad Nasirudin et al., 2019).

Hal ini dapat dikaitkan dengan masyarakat Malaysia bersifat yang kolektif iaitu memberi penekanan kepada penyatuan dan kekitaan terhadap keluarga (Amin et al., 2016). Malah, tunjang utama dalam pembentukan keluarga merupakan ibu bapa. Hal ini menunjukkan ibu bapa merupakan individu yang penting dalam kehidupan anak kurang upaya pembelajaran. Oleh itu, terdapat kepentingan memfokuskan terhadap kesediaan ibu bapa untuk menjaga anak kurang upaya tersebut. Pada masa lampau, kelahiran anak kurang upaya di kaitkan dengan kesalahan atau dosa yang dilakukan oleh ibu bapa dan mereka terpaksa menyembunyikannya (Abdul Rani & Abdullah, 2024). Ia menjadi salah satu sebab berlakunya perasaan risau, takut untuk berhadapan dengan realiti sebenar dan putus asa adalah sebahagian daripada perasaan yang sering dihadapi oleh ibu bapa anak kurang upaya. Berkemungkinan ibu bapa masih tidak dapat menerima keadaan di mana keinginan mereka untuk mendapatkan zuriat yang normal namun seperti yang tidak terlintas di fikiran telah dikurniakan zuriat kurang upaya.

Menjaga anak kurang upaya pembelajaran dilihat memberikan pelbagai cabaran kepada isi rumah yang menjejaskan kesejahteraan emosi ibu bapa, hubungan sosial dan kestabilan ekonomi keluarga. Marquis et al. (2019) menyatakan bahawa apabila sesebuah keluarga terkesan secara negatif disebabkan oleh kurang upaya pembelajaran anak mereka, maka ia akan memberi kesan terhadap sistem dalaman dan luaran keluarga tersebut antaranya interaksi sesama keluarga dan dunia luar. Kajian oleh Jamir Singh et al. (2023) menyatakan tekanan juga dirasakan oleh ibu bapa yang

berperanan penting dalam menjaga anak kurang upaya pembelajaran (intelektual). Tekanan yang berlaku akan mempengaruhi pemikiran dan tindakan ibu bapa dalam membuat sebarang keputusan dalam menjalani kehidupan mereka. Oleh yang demikian, ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya pembelajaran khususnya memerlukan pengetahuan yang tinggi, serta berupaya mencapai sumber, maklumat dan perkhidmatan sedia ada (Taderera & Hall, 2017). Tanpa bimbingan yang jelas, ibu bapa sering bergantung kepada strategi penjagaan yang tidak formal yang membawa kepada pendekatan intervensi yang tidak konsisten yang boleh mengekang perkembangan pembesaran anak kurang upaya pembelajaran mereka.

Di samping usaha untuk meningkatkan kesejahteraan anak kurang upaya pembelajaran, suara dan pendapat ibu bapa boleh dijadikan sumber maklumat dalam masa yang sama dapat menyokong mereka memainkan peranan penjagaan dengan lebih baik. Ibu bapa merupakan sumber sedia yang boleh dimanfaatkan melalui perkongsian maklumat klinikal serta berupaya menyediakan dua jenis data yang luas dalam penaksiran, antaranya kebimbangan, anggaran dan ramalan, penghuraian, mengingat serta memberi laporan (Glascoe & Dworkin, 1995 ; Resch et al. 2010). Menerusi kajian tersebut, terdapat keperluan penyelidikan masa depan untuk memahami cabaran yang dialami oleh ibu bapa anak kurang upaya khususnya oleh pembuat dasar, saintis, pembekal perkhidmatan dan sokongan komuniti yang diperlukan oleh ibu bapa dengan mewujudkan polisi dan intervensi yang lebih berorientasikan keluarga. Cadangan oleh Benson (2015) juga menekankan keperluan memperluaskan penyelidikan terhadap penglibatan ibu bapa dan anak kurang upaya pembelajaran (autisme) semasa menerima rawatan yang dilihat memberi kesan terhadap setiap unit ahli yang berada di persekitaran anak kurang upaya pembelajaran (autisme) serta mencadangkan pelan sesuai mengikut keadaan semasa.

Seterusnya, kehadiran anak kurang upaya dilihat mengubah kualiti kehidupan keluarga kerana memerlukan adaptasi secara berterusan disebabkan kurangnya pengetahuan terhadap penyelesaian masalah yang di hadapi serta memerlukan perhatian yang sewajarnya (Lara & Pinos, 2016). Bahkan, cabaran kehidupan yang dihadapi menyumbang kepada peningkatan stres di kalangan ibu bapa, pengasingan sosial dan kesukaran dalam menavigasi penjagaan kesihatan, pendidikan dan sumber melalui komuniti berdekatan. Kajian Jaafar et al. (2021) mendapati bahawa ibu bapa perlu diberi latihan dan pendedahan terhadap pemulihan supaya komited dalam membantu pemulihan anak semasa berada di rumah sekiranya mengalami masalah kesihatan dan pengangkutan. Paullet dan Wendland (2021) juga berpendapat penjagaan anak kurang upaya pembelajaran (disleksia) memerlukan ibu bapa beradaptasi dengan baik terhadap anak mereka dengan mengambil kira komorbiditi berkaitan kurang upaya pembelajaran serta implikasi terhadap tekanan keibubapaan dan perhubungan di antara anak dan ibu bapa. Kajian lepas juga menekankan keperluan penyelidikan berterusan terhadap faktor kualiti kehidupan ibu bapa menjaga anak kurang upaya pembelajaran (Gallagher & Whitley, 2012) iaitu mengambil kira kepuasan hidup, kebebasan (tiada komitmen untuk menjaga anak dan menguruskan diri sendiri sahaja) kesihatan fizikal dan mental serta penglibatan dalam komuniti.

Selain itu, penjagaan anak kurang upaya pembelajaran juga memberi implikasi kepada dinamik keluarga termasuklah kesan kepada adik beradik dan perhubungan keluarga (Mahmood & Gul, 2003). Faktor kurangnya kajian terhadap kesan penjagaan anak kurang upaya pembelajaran seawal umur kanak-kanak sehingga mencapai umur dewasa yang juga dilihat mempunyai cabaran yang berbeza (Brown et al., 2022; Sosnowy et al., 2018). Sebagai contoh, pengurusan kehidupan orang kurang upaya dewasa adalah berbeza di setiap peringkat usia iaitu dari tinggal bersama keluarga,

sehinggalah penglibatan penjagaan dari institusi luar (pusat pemulihan /jagaan) turut memerlukan fokus kajian pada masa akan datang (Hatton, 2017). Hal ini dapat dilihat apabila isu ini diabaikan, ia memberi kesan signifikan terhadap kesihatan fizikal dan mental orang kurang upaya pembelajaran dan menyebabkan pengasingan sosial (Flynn & Hatton, 2021; Hatton, 2017). Perkara ini juga dilihat saling berkaitan diantara sikap ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran serta rangkaian sosial sedia ada yang turut memberi kesan kepada kesejahteraan positif ibu bapa (Sahu et al., 2022; Dickinson & Hutchinson, 2019; Alias & Dahlan, 2017; Venkatakrishnashastry & Vranda, 2012).

Antara cabaran yang di hadapi oleh ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran adalah masalah kewangan. Dapatan oleh Wei dan Yu (2010) menunjukkan pendapatan ibu bapa terjejas akibat daripada status pekerjaan yang tidak stabil kerana keperluan memperuntukkan masa yang panjang untuk menjaga anak kurang upaya pembelajaran. Wei dan Yu (2010) juga menyatakan ia disebabkan oleh ibu bapa tersebut sukar untuk mendapatkan perkhidmatan pusat penjagaan yang sesuai untuk anak mereka. Pendekatan kajian ini berpotensi untuk mengupas konteks kemampuan, kesediaan ibu bapa sebenar semasa membesarkan anak kurang upaya pembelajaran serta tidak mengetepikan sumber sedia ada yang dapat digunakan secara optimum atau sebaliknya. Sebelum ini, kajian lepas lebih memfokuskan terhadap pengalaman diagnosis daripada perspektif ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran dan terdapat limitasi kajian terhadap pengalaman sebenar secara peribadi mereka (Elinor et al., 2014).

Meskipun, perkhidmatan sedia ada lebih cenderung menumpukan kepada intervensi berpusatkan kepada individu kurang upaya itu sendiri. Perkara seperti pengetahuan dan pembelajaran ibu bapa menjaga anak kurang upaya pembelajaran sering di abaikan. Ini kerana kaedah penjagaan ibu bapa lebih berdasarkan pengalaman

‘lepas’ dan proses penyesuaian yang terbentuk akan menghasilkan kecekapan dalam menguruskan anak mereka atau sebaliknya. Faktor ini juga akan mempengaruhi proses daya tindak mereka. Kajian oleh Morita dan Fujiwara (2021) mendapati bahawa ingatan positif terhadap penglibatan ibu bapa pada masa lepas mempunyai kolerasi terhadap hasil kognitif yang lebih baik di kemudian hari. Dari kajian Morita dan Fujiwara (2021) juga menunjukkan bahawa kualiti penjagaan ibu bapa yang di terima semasa tempoh kanak-kanak boleh mempengaruhi perkembangan peribadi dan keupayaan untuk menjadi ibu bapa yang lebih baik. Kajian kesediaan ibu bapa ini menggariskan jurang untuk pendekatan lebih holistik dan lebih berpusatkan keluarga yang menyepadukan sistem sokongan sosial, intervensi polisi serta penggunaan sumber komuniti untuk memperkasakan ibu bapa dalam memainkan peranan penjagaan anak kurang upaya pembelajaran mereka.

Dari perspektif kerja sosial, ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran bukan semata tanggungjawab yang bersifat peribadi, namun ia menjadi kebimbangan sosial yang berkaitan rapat dengan keadilan sosial, kebolehcapaian kepada perkhidmatan dan sokongan sistemik. Kerja sosial menekankan kepentingan advokasi, pemerksaan, membina kapasiti, dan advokasi dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh kumpulan rentan (orang kurang upaya) yang kurang diberi perhatian termasuklah ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran. Ini kerana, pekerja sosial ditugaskan untuk menyokong hak orang kurang upaya dengan memastikan undang-undang dipatuhi serta mempromosikan kepentingan keadilan sosial dan kesaksamaan (Rahmat et al., 2022). Hal ini menunjukkan bahawa pekerja sosial mempunyai pengetahuan yang diperlukan oleh klien, komuniti dan sistem yang memerlukan bantuan dan seterusnya membuat pelarasan sumber dengan lebih berkesan kepada individu kurang upaya (Hassan et al., 2020).

Melalui teori pembelajaran eksperiential dan teori pembangunan ibu bapa memberikan gambaran bahawa ibu bapa mengembangkan kemahiran penjagaan anak melalui pengalaman secara langsung, refleksi serta penyesuaian keadaan. Manakala teori peranan, memberikan pandangan tentang bagaimana ibu bapa memainkan peranan sebagai penjaga, advokasi, pendidik sambil mengimbangi jangkaan masyarakat dan kesejahteraan diri. Walaubagaimanapun, kajian sedia ada dilihat terhad khususnya proses pembelajaran ibu bapa menjaga anak kurang upaya juga merupakan faktor yang mempengaruhi kesejahteraan dan persediaan mereka terutamanya di Malaysia. Melalui kajian Siti et al. (2024) berkaitan dengan amalan pemakanan anak kurang upaya pembelajaran oleh ibu bapa, mendapati terdapat jurang yang ketara dalam penyelidikan yang memfokuskan orang kurang upaya pembelajaran secara khusus di Malaysia. Perkara ini juga dipersetujui oleh Dzulkifli (2024) membincangkan bahawa penyelidikan yang terhad mengenai ketidakupayaan pembelajaran di Malaysia menekankan terdapat cabaran dan isu yang dihadapi oleh anak serta keluarga mereka secara umum. Kekurangan kajian ini bukan sahaja menghadkan pemahaman tetapi juga menghalang pembangunan sistem sokongan yang berkesan untuk keluarga ini di mana faktor budaya dan sosioekonomi memainkan peranan penting dalam pengalaman penjagaan ibu bapa.

Akhir sekali, kajian ini juga dijalankan semasa fasa endemik wabak COVID-19 di mana perhatian terhadap golongan ini kurang diberikan. Praktis kerja sosial, kajian dan pendidikan kurang diberikan perhatian terhadap kurang upaya pembelajaran di samping keadaan pandemik yang mencabar memerlukan perhatian agar pelan tindakan dapat dirancang dalam mengupayakan golongan ini (Schormans et al., 2021). Penyelidikan ini bermatlamat untuk memberikan tumpuan kepada kefahaman, kesediaan dan pengalaman ibu bapa dan seterusnya membina intervensi

yang sesuai dalam meningkatkan kesejahteraan mereka. Melalui integrasi perspektif kerja sosial, penyelidikan ini akan meneroka bagaimana sokongan sistem, penglibatan komuniti dan inisiatif dasar dapat mengukuhkan kapasiti ibu bapa. Penemuan ini diharap akan menyumbangkan kepada pemeraksanaan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran serta pembangunan pengetahuan kerja sosial dan mutu perkhidmatan sedia ada.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimana kefahaman ibu bapa mempengaruhi penjagaan anak kurang upaya pembelajaran?
2. Adakah ibu bapa bersedia menjaga anak kurang upaya pembelajaran dari segi emosi, fizikal dan mental?
3. Apakah pengalaman ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran?
4. Apakah intervensi yang sesuai boleh dicadangkan kepada ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran?

1.4 Objektif Kajian

1. Meneroka kefahaman ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran.
2. Meneroka ketersediaan ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran dari segi emosi, fizikal dan mental.
3. Menganalisis pengalaman ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran.
4. Mencadangkan intervensi kepada ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran.

1.5 Signifikan Kajian

Kepentingan kajian ini bukan sahaja tertumpu kepada ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran, malah ia juga membantu ahli dalam sistem itu yang terdiri daripada anak kurang upaya pembelajaran, golongan profesional lain, organisasi terlibat serta pembentukan polisi dan dasar yang bersesuaian mengikut peredaran masa. Ini kerana kajian berdasarkan penyelidikan kerja sosial melihat setiap aspek yang mempengaruhi dapat mendayaupayakan individu agar dapat berfungsi dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan meliputi segenap aspek.

Selaras dengan pelan strategik JKM 2016-2020 yang dibangunkan di mana hala tuju jabatan adalah untuk menjadikan kerja sosial sebagai teras dalam pembangunan profesionalisme warga Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian ini mendukung objektif jabatan untuk mendayaupayakan bakat iaitu dalam meningkatkan kompeten, prestasi dan daya inovasi pekerja sektor jabatan. Kecekapan pekerja sosial antaranya mempunyai ilmu dan kemahiran yang baik semasa memberikan perkhidmatan kepada klien. Menurut Teater (2017) profesion kerja sosial memerlukan bukti saintifik dalam membentuk intervensi yang efektif yang menyumbang kepada profesion itu sendiri. Khususnya dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kebajikan (JKM, 2017).

Praktis kerja sosial dalam mempertingkatkan kefungsian individu bukan sahaja kepada individu yang mengalaminya, malah sistem yang berada di persekitaran individu juga diberikan perhatian agar kaedah penyelesaian masalah yang dibentuk benar-benar dapat memberikan perubahan yang lebih baik. Peranan pekerja sosial itu sendiri terhadap klien melalui kaedah tingkah laku dan motivasi individu di mana penentuan intervensi dalam membantu meningkatkan kapasiti diri dan lebih berdikari (Oliver et al., 2012). Pekerja sosial membantu untuk meningkatkan kecekapan dan

keupayaan dalam membantu klien membuat satu keputusan yang bersesuaian. Keperluan orang kurang upaya adalah rumit serta memerlukan penggunaan pendekatan berbeza dalam perkhidmatan pertolongan. Tujuan kajian ini adalah untuk membantu pekerja sosial secara khusus dalam mengatur idea, pendapat tentang isu kurang upaya pembelajaran serta penjelasan sebenar perihal dan keperluan sistem individu persekitaran yang berhadapan dengan situasi ini.

Sebagai contoh, kajian lebih tertumpu kepada keperluan individu kurang upaya, tetapi kajian terhadap individu yang terdiri dalam sistem sokongan orang kurang upaya kurang diberi perhatian, khususnya ibu bapa. Ia membantu pekerja sosial dalam merancang jenis pertolongan yang lebih berkesan serta mengikut keperluan sebenar melalui interpretasi maklumat yang terhasil. Analisis terhadap jangkaan kepada sesuatu situasi yang tidak pasti akan melambatkan proses intervensi kepada klien boleh menjejaskan keberkesanan dan kecekapan pekerja sosial. Oleh itu, kepentingan terhadap praktis kerja sosial bukan sahaja terbatas kepada praktis kerja sosial, malah untuk sistem pendidikan ia mampu menjana bakal pekerja sosial yang lebih berpengetahuan luas.

Ibu bapa merupakan golongan sasaran yang dilihat memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan sihat anak kurang upaya pembelajaran. Sistem sokongan melalui ahli keluarga mampu meningkatkan keupayaan dan peningkatan hidup anak kurang upaya pembelajaran dengan lebih positif. Kajian ini melihat daripada perspektif ibu bapa semasa menjaga anak kurang upaya pembelajaran. Ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran sering berhadapan dengan waktu yang sukar dan sulit. Kepentingan hal ini kepada pengkaji adalah mengenai sejauh mana kefahaman ibu bapa dalam berhadapan dengan situasi ini. Ia juga melihat kepada ibu bapa sama ada telah bersedia dari segi mental, fizikal dan emosi dalam berhadapan

dengan konflik dan situasi yang dilihat amat mencabar. Pemerhatian menerusi kefahaman dan ketersediaan ibu bapa akan menggalakkan maklumat baru dan terkini tentang keperluan sebenar ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran.

Kajian ini dilihat mampu menyumbang kepada penambahbaikan struktur perkhidmatan yang disediakan kepada golongan sasaran dan penerima manfaat. Faktor seperti mengenal pasti kefahaman ibu bapa tentang penjagaan kurang upaya pembelajaran adalah bermula daripada perkhidmatan awal yang diterima. Analisis maklumat yang diterima daripada ibu bapa berkenaan kefahaman seperti jenis kecacatan dan kaedah penjagaan memberi gambaran awal tentang proses awal bagaimana maklumat tersebut disampaikan melalui organisasi tersebut. Malah kajian ini menekankan pemahaman terhadap keperluan ibu bapa menjaga anak kurang upaya pembelajaran yang boleh memberikan pandangan dan maklumat terhadap keadaan sebenar keperluan khas anak. Hal ini disebabkan ibu bapa merupakan individu yang banyak menghabiskan masa bersama anak kurang upaya. Sebagai contoh, profesion seperti doktor misalnya dapat memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik sekiranya berhubungan terus dengan pesakit atau klien itu sendiri. Menurut William et al. (2017), kebiasaannya orang kurang upaya dinafikan hak asasi kemanusiaan mereka akibat kesukaran dalam mentafsirkan polisi dan undang-undang terhadap praktis untuk memahami keperluan sebenar yang dialami oleh orang kurang upaya dan seterusnya menyebabkan golongan ini terpinggir.

Pendekatan atas bawah di mana perlaksanaan dasar memerlukan idea dan maklumat dalam penambahbaikan sesuatu polisi dan undang-undang yang memberikan manfaat kepada golongan sasaran. Kajian ini akan melihat kepada analisis sebenar apakah polisi yang sedia ada benar-benar memberi manfaat dan impak kepada golongan sasaran atau sebaliknya. Penambahbaikan polisi haruslah dilakukan

secara berkala mengikut peredaran masa serta peruntukan ekonomi sedia ada. Hal ini akan membantu pengurusan sumber yang lebih efisien. Kajian lepas melihat bahawa hubungan di antara ketidakupayaan dan kemiskinan bawaan memberi perhatian kepada penggubal polisi di mana individu kurang upaya didedahkan kepada program utama pembasmian kemiskinan (Palmer, 2011).

Bukan itu sahaja, kajian melibatkan penemuan baru dapat memenuhi kumpulan yang memerlukan keperluan khas melalui tindakan persetujuan dan penggalakan pembangunan insan bagi setiap kumpulan tersisih daripada kumpulan sosial. Penyelidikan membantu mengenal pasti isu terpinggir serta merangka polisi dan advokasi yang lebih berkesan di mana ia menggalakkan penambahbaikan atau pembentukan polisi yang lebih baik terhadap orang kurang upaya (United Nation Development Programme [UNDP], 2016). Kefahaman dan ketersediaan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran merupakan 'suara' bagi memberi maklumat tentang keperluan ibu bapa sebenar dalam membantu meningkatkan keupayaan diri mereka sendiri serta ahli yang terlibat.

1.6 Rumusan Bab

Selaras dengan fokus utama kajian ini di mana penumpuan terhadap kefahaman dan ketersediaan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran, pengkaji telah menetapkan objektif utama kajian di antaranya ialah mengidentifikasikan kefahaman, mengenal pasti kesediaan, menganalisis pengalaman dan seterusnya menentukan intervensi yang bersesuaian mengikut analisis tema kajian. Pengkaji akan membincangkan sorotan karya di dalam bab seterusnya iaitu bab 2 yang merangkumi teoretikal dan konseptual kajian.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pendahuluan

Bab 2 akan membicarakan tentang sorotan karya bagi kajian terhadap kefahaman dan ketersediaan ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran. Pengkaji akan membicarakan dengan lebih mendalam tentang definisi konseptual dan teoretikal kajian. Kajian lepas berkenaan kesediaan, kefahaman, dan pengalaman ibu bapa anak kurang upaya akan dibincangkan di dalam bab ini.

2.2 Orang Kurang Upaya

Menurut United Nation Electronic Government Development Index Survey [UNEG-DI] golongan rentan merupakan wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU), orang miskin, belia, pelarian atau imigran. Penilaian dari UNEG-DI ini menunjukkan bahawa golongan rentan ini khususnya orang kurang upaya wajar diberi perhatian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat menakrifkan rentan adalah mudah dihindangi penyakit, jatuh sakit, lekas marah (sakit hati, kecewa) kerentanan perihai iaitu seseorang berbeza antara satu dengan yang lain. Melihat kepada maksud rentan itu sendiri menunjukkan bahawa golongan ini memerlukan perlindungan dan sokongan daripada pelbagai aspek seperti melalui dorongan ekonomi dan sosial supaya mereka dapat meningkatkan kapasiti diri semaksimum mungkin. The World Bank (2021) menunjukkan sebanyak satu bilion populasi orang kurang upaya di dunia dan sebahagian daripada mereka adalah dari negara membangun berdasarkan orang kurang upaya sering tidak bernasib baik dari aspek sosioekonomi disebabkan oleh keadaan kesihatan kurang memuaskan, mempunyai kadar pekerjaan rendah serta kadar kemiskinan yang tinggi.

Walaupun kajian ini memfokuskan kepada ibu bapa anak kurang upaya, pengkaji perlu memahami tentang orang kurang upaya itu sendiri. Peruntukan undang-undang terhadap individu orang kurang upaya bagi melindungi hak dan kepentingan mereka di dalam masyarakat jelas wujudnya Akta Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Definisi melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 menyatakan bahawa Orang kurang upaya adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera, berdepan dengan pelbagai halangan serta mengehendkan melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif di dalam masyarakat. Orang kurang upaya juga ditakrifkan sebagai kehilangan dan keabnormalan yang berbentuk fisiologi, psikologi serta kefungsiian dan anatomi (Omar, 2009). Individu kurang upaya memerlukan bantuan praktik dan terapi sokongan yang khusus mengikut keperluan masing-masing. Kajian oleh (Ghazawy et al., 2020) menunjukkan bahawa ketidakupayaan menyebabkan keterbatasan secara fizikal dan mental memerlukan ibu bapa meluangkan lebih masa dan tenaga dan akhirnya menjejaskan emosi mereka. Ketidakupayaan ini akan menyebabkan kesukaran kepada keluarga yang merupakan sistem dalam kehidupan individu kurang upaya. Adalah wajar golongan kurang upaya perlu diberikan perhatian bukan sahaja dari perspektif individu sahaja, malah sistem sokongan yang terlibat dalam perkembangan dan persekitaran kitaran hidup mereka.

2.3 Kurang Upaya Pembelajaran

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mempertimbangkan tujuh jenis kurang upaya antaranya kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya penglihatan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pembelajaran, kurang upaya mental, dan pelbagai. Populasi orang kurang upaya di Malaysia pada 2021 sehingga

31 Januari adalah seramai 592 856 orang yang telah berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM, 2021). Sebahagian daripada jumlah keseluruhan iaitu 203 765 orang adalah terdiri daripada kategori kurang upaya pembelajaran. Jika dilihat dari jumlah ini hampir separuh daripadanya adalah orang kurang upaya pembelajaran.

Menerusi Akta Orang Kurang Upaya 2008 definisi masalah pembelajaran adalah masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Terdapat tujuh sub-kategori yang disenaraikan oleh Jabatan Kebajikan masyarakat berkenaan kurang upaya pembelajaran. Antaranya adalah lembam, *Global Developmental Delay*, Syndrome Down, *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)*, Autism Spectrum Disorder, Intelektual, *Specific Learning Disability*. Manakala menurut Valuing People: a new strategy for learning disability for the 21st century, The government white paper for England Health and Social (2001) yang bermaksud:

- Pengurangan secara signifikan keupayaan dalam memahami maklumat baru atau kompleks serta mempelajari satu kemahiran baru.
- Pengurangan pengupayaan daya tindak secara bebas.
- Ketidakupayaan yang dialami sebelum usia matang/dewasa yang memberi kesan kekal kepada perkembangan kesihatan.

Kurang upaya pembelajaran juga merupakan masalah secara neurologi yang menyebabkan gangguan kepada kemahiran asas pembelajaran seperti membaca, menulis dan mengira. (Learning Disabilities Association of America, 2018). Kurang upaya pembelajaran ini memberi kesan terhadap, penumpuan, memori, pengecaman bunyi, memahami matematik, penulisan, proses bahasa (mengeja, pengulangan), kesukaran memadan maksud dan bunyi perkataan, sistem dan pergerakan motor juga kemahiran sosial individu yang mengalaminya.

Amnya, tiada akta nasional yang spesifik khususnya kepada kanak-kanak kurang upaya di Malaysia di mana hak anak kurang upaya untuk dijaga, dilindungi, pembangunan mereka adalah termaktub di dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) , dan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (UNICEF, 2014). Hal ini menyebabkan terdapat kekangan di dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti kekurangan penjagaan khas, masa menunggu yang lama, bekalan bantuan yang terhad, tempoh rundingan yang pendek, serta pengedaran dan liputan perkhidmatan yang ditawarkan tidak saksama (UNICEF, 2016). Awal usia anak semasa tempoh perkembangan, keadaan persekitaran memberi impak terhadap penentu pertumbuhan otak dan sistem saraf pusat yang memberi kesan kepada pembentukan diri anak tersebut (UNICEF, 2018).

Peningkatan kedudukan sosial individu kurang upaya pembelajaran menunjukkan keperluan menjalankan lebih banyak penyelidikan dan penilaian bahkan pandangan mereka dalam masyarakat (Gilbert, 2004). Menurut Goodley (2010) kajian berkaitan sejarah hidup mendedahkan pengalaman mereka yang memerlukan penilaian kritikal terhadap isu tersebut. Melalui penilaian ketidakupayaan anak kurang upaya secara terperinci ia membantu mengenal pasti perubahan minor yang merupakan perkara asas dalam praktis klinikal termasuk habilitasi (*habilitation*), rehabilitasi dan pembangunan strategi baharu intervensi dan penyelidikan (Illum & Gradel, 2015). Justeru, kajian kurang pembelajaran memperlihatkan kepentingan dalam membentuk intervensi berkesan bagi meningkatkan kapasiti individu yang terlibat dalam sistem mereka supaya dapat menjalani kefungsi sosial dengan lebih baik.

2.4 Ibu Bapa Kurang Upaya Pembelajaran

Ketidakupayaan dan masalah perkembangan anak menjadi cabaran kepada dunia lebih lagi terhadap sistem penjagaan kesihatan (WHO, 2018). Mengetahui tanda awal kurang upaya pembelajaran yang berlaku kepada anak membantu ibu bapa mencari solusi awal sekiranya ibu bapa mempunyai pengetahuan tentang perkembangan awal anak (WebMD, 2018). Ibu bapa bertindak sebagai pengantara khususnya yang mempunyai pengalaman anak kurang upaya berupaya memberikan penjelasan dan maklumat tentang kurang upaya malah ibu bapa juga memberi impak penting kepada interaksi sosial anak (Bennet & Hay, 2007).

Topik kurang upaya pembelajaran banyak dibincangkan dalam kajian lepas. Ia menunjukkan bahawa kepentingan menjalankan kajian terhadap kurang upaya pembelajaran dari pelbagai aspek khususnya dalam bidang kerja sosial. Namun, kajian lepas lebih tertumpu kepada aspek pendidikan (Mintz et al., 2021), kesan masalah pembelajaran terhadap individu termasuklah gaya hidup (Weir et al., 2021) pendedahan punca stress (Burenkova et al., 2021) dan pengurusan sendiri (Baker et al., 2020). Ini kerana, ibu bapa yang membesarkan anak kurang upaya juga mempunyai hak terhadap kepuasan serta kesejahteraan hidup yang lebih baik dan bermakna (Ubeh et al., 2017). Ibu bapa yang sedia maklum tentang kurang upaya pembelajaran yang dihadapi anak akan mengalami kecelaruan emosi yang boleh mengganggu keharmonian institusi kekeluargaan. Kajian oleh Dyson (1996) menunjukkan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran mengalami tekanan tinggi berbanding ibu bapa anak yang normal. Penemuan oleh Singh et al. (2023) juga menunjukkan ahli keluarga anak kurang upaya misalnya berhadapan dengan kekurangan sokongan secara psikologikal dan struktur semasa menjaga anak kurang upaya pembelajaran.

Malah Yamaoka et al. (2016) berpendapat kajian terhadap keperluan semasa penjagaan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran haruslah diberikan fokus antaranya kesihatan mental di mana perlu diberikan penilaian serta sokongan psikologikal tanpa mengabaikan keperluan sebenar masalah yang sedang dihadapi. Dengan mengetahui pengalaman sebenar yang ditempuhi ibu bapa, situasi yang sedang dilalui dapat digambarkan. Melalui penceritaan, ia dapat membantu ibu bapa bertindak sebagai advokat sendiri yang berupaya mempertahankan hak dan keperluan yang diperlukan semasa menjaga anak kurang upaya pembelajaran. Ini kerana ibu bapa lebih mahir dan mengetahui keadaan sebenar yang dilalui sejak awal kelahiran sehinggalah tempoh tumbesaran anak kurang upaya pembelajaran. Kajian berterusan untuk mendalami pengalaman dan keperluan sebenar individu kurang upaya pembelajaran memberi manfaat kepada pihak berkepentingan (Atkinson, 2004). Ia selaras dengan misi Dasar Keluarga Negara iaitu perancangan dan pembangunan negara membentuk generasi yang berkualiti melalui penekanan terhadap kepentingan mengarusperdana perspektif keluarga (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara [LPPKN], 2019). Oleh yang demikian, intervensi awal perlu dilakukan bagi mengelakkan perkara yang lebih rumit pada masa akan datang di mana individu kurang upaya pembelajaran juga berupaya untuk menjalani kehidupan berkeluarga.

Secara umum, ibu bapa bertindak sebagai penjaga, pelindung dan pemandu arah untuk menempuhi kehidupan seharian. Menyediakan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, kasih sayang, dan memupuk nilai kepada anak merupakan peranan utama sebagai ibu bapa. Menurut Illum et al. (2018) ibu bapa merupakan wakil anak kurang upaya dalam mengungkapkan rasa bimbang dan pengharapan masa hadapan di mana kesan dan pengharapan tersebut saling berkaitan antara satu sama lain. Wei dan Yu (2012) dalam kajiannya menyatakan pengalaman keluarga adalah

bergantung kepada bentuk ketidakupayaan yang dialami oleh anak tersebut di mana perubahan tersebut lebih bersandarkan status kesihatan. Pendekatan kajian sedia ada juga berpendapat anak kurang upaya bersifat pasif dan tidak berdikari (Priestley, 1998). Menurut Beresford et al. (2007) menjadi ibu bapa anak kurang upaya merupakan pendekatan keibubapaan luar biasa yang meningkat risiko terhadap masalah perhubungan, kemurungan dan tekanan. Kajian oleh Mohd Ismail & Mohd Ali (2020) berpendapat pengetahuan tentang individu kurang upaya adalah penting dan hanya tidak terhad kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga berkeperluan khas sahaja tetapi ahli keluarga lain juga berkemungkinan mempunyai anak keperluan khas.

Demikian, penjagaan anak kurang upaya merupakan cabaran disebabkan oleh kurangnya sokongan umum di mana kajian masa hadapan perlu dilakukan oleh penggubal polisi, saintis dan penawar perkhidmatan agar memberikan perhatian terhadap keperluan sokongan umum oleh ibu bapa supaya dapat membentuk polisi dan intervensi yang lebih kepada pemusatan keluarga (Resch et al., 2010). Keperluan menyediakan intervensi awal terhadap anak kurang upaya masalah pembelajaran dan keluarga perlu diperbanyakkan (Gore et al., 2014). Keperluan kajian ini kepada kerja sosial adalah berdasarkan matlamat utama iaitu pertolongan kepada individu perlulah bersifat menyeluruh agar dapat meningkatkan kefungsian individu.

2.5 Kefahaman Ibu Bapa Kurang Upaya Pembelajaran

Dasar Kebajikan Masyarakat Negara menyatakan bahawa anak perlu dilindungi daripada bahaya iaitu penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi di mana penekanan khusus diberikan kepada perkembangan sihat anak dari segi fizikal, emosi dan mental. Melalui dasar ini jelas

dinyatakan bahawa peranan ibu bapa penting dalam memastikan perkembangan anak yang sihat, secara fizikal, emosi dan mental. Walaubagaimanapun keibubapaan sering digambarkan sebagai tugas yang terlalu kompleks dan mencabar (Chengappa et al., 2017). Peranan ini lebih sukar bagi ibu bapa menjaga anak kurang upaya yang kerana cabaran yang sedang dihadapi bukan sahaja memberi kesan kepada anak, malah juga kepada ibu bapa itu sendiri. Cabaran yang di hadapi ibu bapa menjaga anak disebabkan oleh ketidakupayaan menjadikan tanggungjawab semakin berat apabila ibu bapa tidak mempunyai informasi berkenaan penyakit menerusi ahli keluarga, saudara-mara mahupun rakan-rakan menjadi penyumbang kepada faktor tekanan yang tinggi (Ariffin & Abdullah, 2020). Namun kajian oleh Steven (1984) menyatakan bahawa ibu bapa yang mempunyai pengetahuan tentang faktor persekitaran kritikal dan perkembangan normatif bayi lebih mahir dalam kemahiran keibubapaan. Selain dari pengetahuan, memahami anak kurang upaya memerlukan sifat empati di dalam diri ibu bapa itu sendiri. Menurut Che Noh (2017) hubungan empati di antara ibu bapa dan anak merupakan asas kepada perhubungan yang mengambil kira keupayaan seseorang memahami secara emosi dan intelektual antara satu sama lain. Rentetan itu, pengetahuan secara sedar dan sistematik adalah kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara (Samsudin & Alias, 2021). Ini juga menyumbang kepada prestasi kemahiran dan penjagaan anak kurang upaya pembelajaran.

Seterusnya, konsep keibubapaan adalah idea bagaimana ibu bapa memberi kesan kepada perkembangan kognitif dan tingkah laku dengan menjelaskan peranan ibu bapa termasuklah memenuhi keperluan anak secara fizikal, emosi dan sosial anak tersebut (Prinsloo & Reid 2015). Perkara ini diburukkan apabila perkembangan lewat semasa tempoh pembesaran bayi tidak dapat dikenal pasti oleh keluarga disebabkan tidak menerima rawatan secara berkala (Mandell et al., 2002). Penilaian awal

membantu ibu bapa mencari punca masalah serta mencapai jalan penyelesaian dengan memahami keadaan yang sedang dihadapi. Walaubagaimanapun, ibu bapa di Malaysia masih mengamalkan gaya autoritarian di dalam keluarga memberi cabaran kepada mereka yang mempunyai anak kurang upaya kerana pendedahan maklumat yang terhad berkaitan penjagaan anak kurang upaya (Ghouse Meah, 2020). Kaedah autoritarian ini merupakan gaya keibubapaan yang terlalu mengawal dan tidak responsif dengan keinginan anak mereka (Bahtiar & Mohd Ali, 2021). Hal ini berlaku disebabkan oleh kecenderungan untuk mewarisi gaya keibubapaan dari pengalaman lepas menyebabkan maklumat yang diperolehi disalah tafsir tanpa menilai keadaan sebenar. Ini kerana, kualiti keluarga adalah berkonsepkan perhubungan dan dinamik di mana setiap ahli memberi pengaruh kepada kesejahteraan keluarga (Moraleda Sepúlveda & López Resa, 2021). Kajian oleh Baker & Heller (1996) juga menunjukkan bahawa pendekatan keibubapaan terhadap masalah tingkah laku anak adalah berbeza mengikut peranan ayah bapa atau ibu di mana ibu lebih cenderung untuk meneliti masalah-masalah tingkah laku yang lebih kompleks berbanding ayah. Gaya keibubapaan berbeza di antara ibu dan ayah serta bergantung terhadap peranan yang dimainkan. Walaupun secara amnya ibu merupakan penjaga utama yang menghabiskan sepenuh masa semasa rutin harian, di mana ayah membahagikan masa bersama anak sekiranya terdapat kelapangan atau aktiviti sukan (van der Veen-Mulders et al, 2020).

Ibu bapa juga berperanan menyokong perkembangan kesihatan, tingkah laku dan sosial anak seawal tahun pertama kelahiran yang memerlukan perhatian kerana anak tersebut masih bergantung kepada penyediaan keperluan asas sepenuhnya demi kelangsungan hidup (Bektas et al., 2021). Antara contoh yang boleh di lihat, untuk mendidik anak kurang upaya pembelajaran, menjaga kebersihan dan kesihatan diri